



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
31 MAC 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Minta wang, resit tidak dikeluarkan 30

Sin Chew Daily

- Majlis Perbandaran tunda kereta 05

Chinapress

- 12 kereta ditinggalkan ditunda C9



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 MAC 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Minta wang, resit tidak dikeluarkan
Muka Surat	30

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT • 31.03.2017

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

MUKADIMAH
KESUKARAN mencari tempat letak kenderaan di beberapa kawasan komersial Ampang Jaya semakin kritikal. Ketiadaan bangunan parkir bertingkat selain sistem kupon yang diperkenalkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya antara faktor utama mereka memilih untuk meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan walaupun sedar bakal berdepan tindakan penguatkuasaan. Berdasarkan aduan orang awam, Skuas Terjah turun padang ke beberapa lokasi komersial yang dikenal pasti sering menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah trafik. Lebih mengejutkan ada dakwaan terdapat segelintir penguat kuasa mengambil kesempatan terhadap masalah kekurangan parkir ini.

KENDERAAN diletakkan secara berlapis adalah pemandangan biasa di kawasan komersial Ampang Point, Ampang Jaya, Selangor.

PENGGUNA tiada pilihan terpaksa meletakkan kenderaan di luar petak kuning eloran kekurangan petak parkir. -UTUSAN/ ZAINI HUSIN

Parkir terhad di Ampang Jaya, penguat kuasa didakwa ambil kesempatan

Minta wang, resit tidak dikeluarkan



Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN,
FAUZI SUHAIMI
dan AMIRUL AIDAN ANUAR
kota@utusan.com.my

■ AMPANG 30 MAC

KIRA-KIRA 20 minit masa diperlukan untuk mencari petak parkir kosong pada waktu puncak di beberapa kawasan komersial sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Tinjauan Skuad Terjah di sekitar Ampang Point, Pandan Indah dan Taman Muda di sini mendapati berlaku kesesakan di kawasan itu berpunca daripada beberapa kenderaan diletakkan secara berlapis.

Skuad Terjah turut berdepan kesukaran apabila terpaksa membuat beberapa kali pusingan dalam kawasan padat itu sebelum menemui petak kosong.

Tiada bangunan parkir bertingkat disediakan, sebaliknya rata-rata ruang parkir adalah petak yang dicat kuning di bahu-bahu jalan sekitar laluan satu hala yang amat merumitkan lagi keadaan lalu lintas.

Situasi itu turut diakui Ketua Biro Aduan Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratal, Ben Liew Pok Boon.

Katanya, masalah kekurangan parkir di Ampang Jaya bukan baharu dan diketahui pihak berkuasa tempatan itu.

"Taman Muda mempunyai 350 petak parkir tetapi terdapat kira-kira 700 lot kedai.

"Bayangkan bagaimana pengunjung mahu berurusan di bangunan berhampiran jika petak parkir tidak mencukupi. Mereka tiada pilihan selain terpaksa meletak kereta secara berlapis atau di bahu-bahu jalan," katanya.

Menurut Ben Liew, apa yang dikesalkan ada segelintir penguat kuasa MPAJ mengambil kesempatan dengan meminta antara RM50-RM100 daripada pengguna atas kesalahan mereka.

"Bayaran itu dikenakan sekiranya mahu kenderaan mereka dibuka, tetapi tidak diberi sebarang resit sebagai bukti pembayaran," jelasnya.

Katanya, ini satu tindakan yang tidak baik dan salah guna kuasa sekali gus mempunyai unsur rasuah.

Sementara itu, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, beliau sendiri cuak untuk singah berurusan di bangunan sekitar Pandan Jaya.

"Banyak ruang kosong sekitar Taman Muda tapi usaha untuk membina lebih banyak tempat parkir terutama bertingkat tiada.

"Apabila pengguna meletakkan kenderaan di luar petak atau di bahu-bahu jalan, tindakan penguatkuasaan pula diambil," katanya kesal.



BEN LIEW POK BOON (kiri) bersama beberapa penduduk menunjukkan lokasi orang ramai untuk meletakkan kenderaan berikutan kekurangan petak parkir di Taman Muda, Ampang, Selangor.



PENGUNDA tidak dapat meletakkan kenderaan mereka dalam kawasan ditetapkan kerana tempat terhad.

REAKSI

SAMAN TANPA RESIT



CHUN YEW LEONG, 34
Ejen hartanah



ROBERT TEH, 52
Peniaga



YAP CHEN HOE, 24
Pentadbir am

"KENDERAAN isteri saya pernah dikunci penguat kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya atas kesalahan meletakkan kenderaan di bahu jalan. Selepas membayar denda RM100, tiada sebarang resit dikeluarkan."

"SUDAH 30 tahun saya menjalankan perniagaan di kawasan komersial Taman Muda. Nampaknya tiada sebarang usaha diambil pihak berkuasa tempatan menyelesaikan isu kekurangan parkir sebaliknya semakin serius.

"DUA kali kenderaan saya dikunci atas kesalahan parkir di petak kuning. Kejadian pertama diminta bayar RM100 dan kali kedua perlu membayar RM50. Menghairankan tiada sebarang resit dikeluarkan penguat kuasa untuk kedua-dua bayaran itu."



MASALAH kekurangan parkir turut dialami pengunjung yang berurusan di Kampung Pandan di bawah pentadbiran Ampang Jaya.

Lapor kepada MPAJ jika ada unsur rasuah

AMPANG 30 Mac - Orang ramai diminta melaporkan terus kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sekiranya terdapat sebarang salah laku dalam kalangan penguat kuasa semasa mereka menjalankan tugas.

Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPAJ, Addy Hisham Elias berkata, aduan perlu dibuat dengan bukti seperti lokasi dan masa kejadian.


"Siasatan dan tindakan akan diambil terhadap penguat kuasa terlibat tanpa sebarang kompromi," katanya kepada *Utusan Malaysia* bagi mengulas mengenai dakwaan terdapat segelintir penguat kuasa MPAJ meminta wang atas kesalahan trafik termasuk meletakkan kenderaan di bahu

MAKLUM BALAS

jalan tanpa mengeluarkankan resit bukti sebagai bukti pembayaran.

Menurut Addy Hisham, pihak berkuasa tempatan itu akan mengambil tindakan mengunci atau mengapit tayar kenderaan yang didapati diletakkan sesuka hati di kawasan larangan.

Katanya, notis amaran akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pesalah tersebut dan mereka akan diberi masa satu jam untuk mengalihkan kenderaan dan jika tidak, kompaun sebanyak RM100 akan dikeluarkan," katanya.






MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 MAC 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	Majlis Perbandaran tunda kereta
Muka Surat	05

▲林晋伙(左)协助执法官员，确保吊车带已扣稳。



单后，仍不当一回事。
▶许多车主在接获市议会开出的罚



SD 21/3/19 MJC OR

市會出動羅里拖吊車

廢棄車全拖走

▲安邦再也市议会出动吊车，加入士拉央市议会展开取缔废弃车辆的行动。



(吉隆坡30日讯)士拉央市议会于周四早上首度联合安邦再也市议会、八打灵再也市政厅及巴生市议会一同展开取缔废弃车辆行动，将停泊在斯里峇都隐花园、宝墩工业区、峇都隐市中心、双威峇都隐及峇都隐马士的废弃车辆，全拖走！

士拉央市议员林晋伙指出，参与取缔行动的执法人员共有37名，当中包括执法组、泊车私人工程官员等。此外，在这场取缔废弃车辆行动中，士拉央市议会出动了3辆罗里、安邦再也市议会派出1辆吊车，另外，各市政厅和市议会分别派出1辆拖车。

他说，峇都隐市中心内汽车维修厂林立，部分废弃车辆更占据当地主要泊车位，以致当地的双重泊车情况严重。

须出示文件缴罚款索车

“尽管市议会已多次向废弃车辆的车主开出罚单，但车主仍不予理会。这些废弃车辆一旦被拖到市议会，车主必须出示文件、缴还罚款及支付拖车费后，方能取回汽车，不过也可要求减少罚款。”

林晋伙补充，至于置放在市议会超过3个月的废弃车辆，市议会将要求警方进一步调查及检验，若车主于3个月至半年期间仍未前来认领，市议会将把这些车辆交给承包商招标。

另外，他也呼吁居民一旦发现住处附近出现废弃车辆、废弃车占据主要泊车位、车厂超时工作及发出噪音等，可即时向市议会作出投报。

▲废弃车辆占据市中心内的主要泊车位，一律遭市议会拖走。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 MAC 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	12 kereta ditinggalkan ditunda
Muka Surat	C9



将其放上罗厘载走。
■一些车子的毁损情况严重，执法人员小心

士拉央市議會

拖走12輛廢棄車

(吉隆坡30日讯)为解决废车占据泊车位问题，士拉央市议会今早前往峇都隐各区，拖走12辆废弃车。

士拉央市议员林晋伙指出，市议会在今早11时45分左右，到峇都隐一带的商业及住宅区取缔废弃车辆，包括峇都隐双威、市中心和斯里峇都隐。

“今日行动共拖走12辆废车，

据知，该些废车停泊7个月至1年不等，接获逾10张罚单都无人理会。”

出动6辆拖车

他说，市议会在行动前一周发出最后通知，但相关车辆仍留在原地，当局今早进行拖车行动。

他指出，市议会也和雪州其他地方政府合作，如八打灵再也市政

厅、巴生市议会和安邦再也市议会等，向他们暂借拖车等设备，共出动6辆拖车前往各区拖车。

他补充，市议会拖走废车前，需向警方确认该些车辆是否涉及偷车案等资料。

他指出，市议会将陆续展开取缔和拖走废车行动，并呼吁居民若看见废弃车辆，可向市议会提出投报。



■士拉央市议会共拖走12辆散布峇都隐各区的废车。



■废车的路税已逾期，挡风镜处满是罚单。